

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD  
HARUN NARRASHID**

**(KOTA TINGGI)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN NARRASHID [**

**KOTA TINGGI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah usaha-usaha yang telah dijalankan untuk mengekang masalah peningkatan hutang isi rumah yang tinggi dalam kalangan rakyat selain menghadkan pinjaman mengikut gaji bersih dan kawalan penggunaan kad kredit oleh rakyat Malaysia.

**JAWAPAN**

Dalam menangani masalah hutang isi rumah di Malaysia, Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah progresif bagi memastikan pengurusan kewangan dan hutang isi rumah yang mampan. Langkah-langkah ini pula

diperkenalkan secara beransur-ansur bagi mengelakkan pelarasan yang melampau dalam sistem kewangan dan ekonomi.

2. Selain daripada pelaksanaan menghadkan pinjaman mengikut gaji bersih dan kawalan penggunaan kad kredit oleh rakyat Malaysia, pelbagai usaha turut diambil secara beransur-ansur sejak tahun 2010. Antara langkah yang telah dilaksanakan adalah:

a. Menyediakan khidmat nasihat dan bantuan dalam menguruskan kedudukan kewangan kepada peminjam serta menstruktur semula hutang mereka dengan institusi bank dan bukan bank melalui Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK);

b. Menetapkan nisbah pinjaman maksimum (*loan-to-value ratio*) pada 70% bagi pinjaman perumahan ketiga dan ke atas; dan

c. Menghadkan tempoh pinjaman perumahan daripada sehingga 45 tahun kepada 35 tahun dan pembiayaan peribadi daripada sehingga 25 tahun kepada 10 tahun. Selain itu, institusi kewangan juga dilarang

menawarkan pembiayaan peribadi tanpa permohonan daripada peminjam manakala penyedia pinjaman bukan institusi perbankan seperti koperasi, institusi kewangan pembangunan dan institusi kredit perumahan dikehendaki turut mengamalkan syarat pinjaman yang sama.

3. Di samping langkah-langkah mengawal hutang isi rumah, tumpuan turut diberikan kepada pendidikan kewangan dalam meningkatkan kemampuan mengurus kewangan oleh sektor isi rumah. Dalam hubungan ini, Bank Negara Malaysia telah memperkenalkan Program Pengurusan Wang Ringgit Anda (POWER!) yang bertujuan melengkapkan sektor isi rumah dengan kemahiran pengurusan wang dan menggalakkan pengambilan hutang secara berhemat, sekali gus menghindari kemungkinan beban keberhutangan yang meningkat pada masa hadapan.

4. Dalam pada itu, usaha meningkatkan kesedaran dan kefahaman pengurusan kewangan di kalangan rakyat dipergiatkan lagi melalui AKPK. Sejak tahun 2013, AKPK telah memulakan program pendidikan kewangan di tempat kerja melalui perkongsian dengan sektor awam dan sektor swasta, termasuk agensi Kerajaan. Selain itu, pendidikan kewangan juga

telah dilaksanakan di peringkat sekolah, kolej vokasional dan universiti serta bagi pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) untuk memastikan tenaga kerja pada masa akan datang mempunyai pengetahuan asas yang kukuh untuk membuat keputusan kewangan dengan bijak.

5. Kerajaan sentiasa memantau dan menilai keperluan untuk langkah-langkah seterusnya bagi memastikan keberhutangan isi rumah tetap berada pada tahap yang terkawal dan keupayaan membayar balik hutang kekal kukuh.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD  
HARUN NARRASHID [ KOTA TINGGI ]**

**SOALAN :**

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun Narrashid [ Kota Tinggi ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan dalam tempoh jangka panjang bercadang untuk membangunkan reaktor nuklear menghasilkan tenaga elektrik untuk menggantikan kaedah yang diguna pakai sekarang ini.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Pertimbangan terhadap penggunaan tenaga nuklear untuk penjanaan elektrik telah pun dikenalpasti dan dimasukkan dalam Dasar Baru Tenaga (2011-2015) seperti yang terkandung dalam dokumen Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10) dan telah dibentangkan dalam sidang Dewan Rakyat pada tahun 2010. Dasar Baru Tenaga ini menyatakan bahawa pembangunan tenaga nuklear akan dipertimbangkan sebagai salah satu pilihan sumber tenaga jangka panjang untuk penjanaan elektrik, khususnya di Semenanjung, bagi memastikan bekalan yang andal dan berkesan kos, atau dengan izin, *cost-effective*.

Selaras dengan Dasar Baru Tenaga ini, satu Projek Permulaan, atau, dengan izin, *Entry Point Project* (EPP), untuk penggunaan tenaga nuklear bagi penjanaan kuasa elektrik telah juga dirumuskan sebagai EPP kesebelas di bawah sektor Minyak, Gas dan Tenaga (OGE) dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP). Di bawah Projek Permulaan ini, Kerajaan sedang melaksanakan satu siri kajian terperinci untuk mengenalpasti pelbagai keperluan dan persediaan awal negara, sekiranya projek loji janakuasa nuklear dilaksanakan. Aktiviti yang sedang dilaksanakan tertumpu kepada kajian menyeluruh tentang kesediaan infrastruktur perundangan dan kawalseliaan nuklear negara, dan Kajian Kemungkinan, atau, dengan izin, *Feasibility Study*, termasuk penyediaan Pelan Pembangunan Infrastruktur Kuasa Nuklear, atau, dengan izin, *Nuclear Power*

*Infrastructure Development Plan (NPIDP)*. Tinjauan pendapat umum terhadap penggunaan tenaga nuklear juga akan dilaksanakan.

Tujuan kajian-kajian ini dilaksanakan adalah untuk memastikan bahawa, semua aspek persediaan telah diambilkira secara terperinci dan komprehensif lebih awal, sekiranya penjanaan kuasa nuklear diperlukan bagi memenuhi permintaan tenaga negara pada masa hadapan.

Sekian. Terima kasih.